



# **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

**TEKS UCAPAN**  
**YANG BERUSAHA TUAN SHAHRULNIZAD BIN ABDUL**  
**RAZAK**  
**PEMANGKU SETIAUSAHA BANDARAYA**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

**SEMPENA**  
**PROGRAM PENDIDIKAN KESEDARAN**  
**KOMUNITI “CELIK STRATA 2024”**

**TARIKH / MASA / TEMPAT**  
**28 JULAI 2024 (AHAD)**  
**08.30 PAGI**

**DEWAN DATO' HAJI AHMAD BADAWI**  
**BUTTERWORTH**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**Yang Berusaha Sr Mat Nasir Bin Hassan**

Pengarah Penilaian dan Pengurusan Harta

**Yang Dihormati**

**En Bernard Cheen Goon Hoi**

**En Zainuddin Bin Mohamed**

**Pn Normahani Binti Muhammad**

**Datuk Mohd Noor Bin Ahmad**

Whip Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan D.Sunita Kaur Jessy**

Pengerusi

Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata (TPPS)

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Para peserta program daripada pihak Badan Pengurusan Bersama / Perbadanan Pengurusan (JMB / MC) dan agensi-agensi luar yang berkaitan**

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

\*\*\*\*\***TAMAT**\*\*\*\*\*

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, dipanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan keizinan-Nya jua kita dapat bersama-sama pada hari ini hadir dalam **Program Pendidikan Kesedaran Komuniti “Celik Strata 2024”** di **Dewan Dato’ Haji Ahmad Badawi, Butterworth**.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis MBSP; Pegawai-Pegawai Kanan MBSP; rakan-rakan media, para peserta yang terdiri daripada pihak Badan Pengurusan Bersama / Perbadanan Pengurusan (JMB / MC) dan agensi-agensi luar yang berkaitan; dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan program satu hari ini. Saya juga mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Jabatan Pesuruhjaya Bangunan yang berjaya melaksanakan program ini.
3. Seminar ini merupakan usaha berterusan pihak Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (MBSP) bagi memberi pemahaman berkaitan pembangunan dan pengurusan strata kepada golongan yang berkaitan menerusi penganjuran seminar “CELIK STRATA 2024”.

4. Objektif program adalah untuk:-

- i. Mendidik semua golongan tentang pemahaman asas perundangan dan tanggungjawab pengurusan strata.
- ii. Memberi pendedahan tentang tatacara pengurusan dan pentadbiran yang betul mengikut Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).
- iii. Membantu mewujudkan pengurusan yang lebih baik.
- iv. Mewujudkan keseragaman pematuhan undang-undang dan dasar berkaitan penyenggaraan dan pengurusan berstrata mengikut Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).
- v. Memberi pemahaman kepada pihak berkaitan untuk mentadbir dan mewujudkan persekitaran yang harmoni dan selesa serta selamat didiami.

5. Program ini dihadiri oleh banyak pihak yang terlibat secara langsung dan secara tidak langsung dengan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) yang terdiri daripada pihak Badan Pengurusan Bersama / Perbadanan Pengurusan (JMB / MC) dan agensi-agensi luar yang berkaitan.

6. Berdasarkan rekod Jabatan Pesuruhjaya Bangunan MBSP, terdapat sebanyak 1,160 skim pemajuan berstrata bagi seluruh Seberang Perai yang terdiri daripada 456 skim di Seberang Perai Utara, 599 skim di Seberang Perai Tengah dan 105 skim di Seberang Perai Selatan. Daripada jumlah berkenaan, 152 skim adalah berstatus JMB, 351 skim berstatus MC dan 642 masih belum menubuhkan JMB / MC yang terdiri dari 59 skim bagi 11 petak ke atas dan 583 skim bagi 10 petak ke bawah.
  
7. Penganjuran Program Pendidikan Kesedaran Komuniti “Celik Strata 2024 ini adalah salah satu usaha berterusan oleh Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) MBSP dalam memberikan pendedahan dan pemahaman kepada semua golongan sasaran, terutamanya JMB / MC tentang penguatkuasaan di skim strata serta panduan pengurusan dan penyenggaraan yang teratur dan telus. Program Pendidikan Kesedaran ini diharap dapat meningkatkan kecekapan urusan pentadbiran badan pengurusan JMB / MC dan mewujudkan persekitaran yang selesa serta selamat untuk didiami.
  
8. Adalah diharapkan agar program ini dapat memberi manfaat, input dan pemahaman kepada semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan penguatkuasaan Akta 757 agar pengurusan bangunan berstrata dapat berjalan dengan teratur dan kemas.

9. Bagi memudahkan semua pihak melaksanakan pengurusan strata yang berkesan, program kali ini kita berikan pendedahan terperinci berkaitan asas pengurusan strata iaitu Tatacara Pengurusan Mesyuarat Agung dan Fungsi /Peranan JMB / MC di skim strata.
10. Terdapat juga taklimat yang akan disampaikan oleh wakil Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata (TPPS) berkaitan Bidang Kuasa Dan Prosedur Tuntutan di Tribunal Perumahan Dan Pengurusan Strata (TPS).
11. Jabatan Pesuruhjaya Bangunan juga telah menjemput Jabatan Perkhidmatan Perbandaran untuk memberikan taklimat secara langsung berkaitan pelaksanaan pengasingan sisa dipunca yang telah berkuatkuasa pelaksanaannya mulai 01 Julai 2024 supaya tuan / puan lebih faham pelaksanaannya di skim strata.
12. Selain itu, wakil dari Pejabat Pembangunan Negeri Pulau Pinang juga akan memberikan Taklimat Geran Peruntukan Untuk Program Sejahtera Komuniti MADANI (SejaTI MADANI) pada Sesi Celik Strata 2024 hari ini. Di mana, Kerajaan Persekutuan melalui Pejabat Pembangunan Negeri Pulau Pinang menyediakan geran SejaTI MADANI kepada Komuniti di Pulau Pinang seperti berikut:

i). MPKK

ii). JPKK

iii). JKKK

iv). JPKKP

v). Persatuan Penduduk

vi). JMB/ MC

Komuniti yg masih sah berdaftar pelantikannya / penubuhannya boleh memohon geran ini semaksima RM100,000.00 melalui 5 sektor utama iaitu :

- a). Pertanian dan Makanan
- b). Herba dan Kesihatan
- c). Jahitan dan Kraftangan
- d). Pelancongan dan Hospitaliti
- e). Aktiviti Hijau dan Kitar Semula

dan permohonan geran SejaTI MADANI juga boleh dilakukan selepas sesi taklimat hari ini diadakan. Penjelasan terperinci akan disampaikan oleh wakil dari Pejabat Pembangunan Negeri Pulau Pinang sebentar lagi.

13. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada para peserta yang terdiri daripada pihak Badan Pengurusan Bersama (JMB) / Perbadanan Pengurusan (MC) dan agensi-agensi luar yang berkaitan; dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan program hari ini.
  
14. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, dengan rasa besar hati dan dengan lafaz "***Bismillahirrahmanirrahim***", saya dengan ini merasmikan **Program Pendidikan Kesedaran Komuniti "Celik Strata 2024"**.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***